

PROFIL KEPIMPINAN DI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI DAN PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH

SOALAN – SOALAN LAZIM

1. Apakah tujuan program pengumpulan profil kepimpinan ini dijalankan?

Selaras dengan aspirasi Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, untuk memperkukuhkan kepimpinan JPN dan PPD, program pengumpulan profil kepimpinan yang dijalankan oleh pihak Kementerian ini adalah untuk mengenalpasti bakat kepimpinan di kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bagi mengisi jawatan kepimpinan di JPN dan PPD pada masa akan datang.

Program pengumpulan profil kepimpinan ini bermula dengan peringkat satu di mana calon-calon mengisi borang profil kepimpinan secara atas talian. Calon-calon akan menilai diri sendiri berdasarkan kompetensi fungsional yang diperlukan untuk jawatan kepimpinan di JPN & PPD. Sekiranya calon berjaya melepasi peringkat satu, calon akan melalui peringkat kedua iaitu proses temuduga yang akan dijalankan oleh panel temuduga yang telah dilantik oleh pihak Kementerian. Calon juga akan melalui peringkat ketiga iaitu Behavioural Event Interview (BEI) yang akan dijalankan oleh pihak pakar yang dikenalpasti dan dilantik oleh Kementerian.

2. Bagaimanakah data daripada program pengumpulan profil kepimpinan ini digunakan?

Maklumat yang diperolehi daripada program pengumpulan profil kepimpinan ini akan digunakan bagi tujuan perancangan pelan penggantian dan pembangunan kerjaya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan pada masa akan datang.

3. Siapakah yang akan mempunyai akses kepada hasil pelaksanaan program pengumpulan profil kepimpinan ini?

Akses kepada maklumat hasil daripada program pengumpulan profil kepimpinan ini adalah terhad kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian dan semua maklumat adalah bertaraf sulit.

4. Sekiranya saya tidak berkhidmat di JPN atau PPD, bagaimanakah program ini bermanfaat kepada saya?

Program ini bertujuan untuk mengumpul dan menyediakan bakat kepimpinan bagi merancang pelan penggantian untuk pengisian jawatan-jawatan kepimpinan di JPN dan PPD pada masa akan datang.

5. Apakah yang akan berlaku selepas program pengumpulan profil kepimpinan ini dilaksanakan?

Calon-calon yang telah dikenalpasti melalui program ini akan dihubungi oleh pihak urusetia untuk sesi selanjutnya.

Peringkat Satu

	Kumpulan 1	Kumpulan 2
Siapakah yang perlu melengkapkan borang profil kepimpinan melalui atas talian?	<u>Wajib:</u> <ul style="list-style-type: none">• Pengarah JPN• Timbalan Pengarah JPN• Pegawai Pendidikan Daerah• Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah	<u>Wajib:</u> <ul style="list-style-type: none">• Timbalan Pengarah Bahagian,• Ketua Sektor di peringkat Kementerian dan JPN;• Ketua Unit di peringkat Kementerian, JPN dan PPD;• Pengetua, Penolong Kanan, Ketua Bidang dan Ketua Panitia di peringkat Sekolah Menengah

	Kumpulan 1	Kumpulan 2
		<p><u>Terbuka:</u> Semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Gred DG44 dan keatas • Berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam jawatan Pengurusan
Dimanakah borang ini boleh diperolehi?	<p>Lengkapkan borang pada link berikut:</p> <p>https://www.research.net/s/ProfilKepimpinanK1</p>	<p>Lengkapkan borang pada link berikut:</p> <p>https://www.research.net/s/ProfilKepimpinanK2</p>
Bilakah tarikh akhir untuk melengkapkan borang profil kepimpinan ini?	Tarikh akhir untuk melengkapkan borang profil kepimpinan ini adalah pada 22 November 2013 (Jumaat)	Tarikh akhir untuk melengkapkan borang profil kepimpinan ini adalah pada 6 Disember 2013 (Jumaat)
Adakah terdapat kaedah lain untuk melengkapkan borang profil kepimpinan ini selain daripada melalui atas talian?	Tidak, calon hendaklah melengkapkan borang profil kepimpinan ini secara atas talian.	Calon adalah digalakkan untuk melengkapkan borang profil kepimpinan ini secara atas talian. Walaubagaimanapun, bagi calon yang menghadapi kesukaran untuk melengkapkan borang profil kepimpinan ini secara atas talian bolehlah mendapatkan salinan borang di JPN atau PPD yang berdekatan. Borang yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar kepada JPN atau PPD masing-masing. Calon juga boleh memuatnaik borang yang telah dilengkapkan dan di emel

	Kumpulan 1	Kumpulan 2
		kepada profilkepimpinanmoe@gmail.com

6. Berapa lamakah masa yang akan diambil untuk melengkapkan borang ini?

Masa yang diperlukan untuk melengkapkan borang profil kepimpinan ini adalah kira-kira 20-30 minit.

7. Bolehkah saya menyimpan (save) dahulu borang yang sedang di isi dan kemudian kembali untuk diselesaikan?

Tidak boleh. Anda harus melengkapkan borang ini pada satu masa. Sila pastikan anda mempunyai masa yang cukup dan akses internet yang lancar untuk melengkapkan borang ini.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya akses internet saya terputus ketika saya sedang mengisi borang secara atas talian?

Anda akan kehilangan data yang telah dimasukkan. Oleh itu, anda perlu mengisi semula borang tersebut melalui link yang sama.

9. Dalam Bahagian A (Butiran Peribadi), apakah yang dimaksudkan dengan gred hakiki penyandang?

Gred hakiki penyandang merujuk kepada gred yang disandang oleh pegawai, dan bukan gred yang ditetapkan untuk jawatan anda. Sila berikan gred yang disandang.

Contoh: Encik Abu bin Ahmad, PPPS gred DG48 (KUP) ialah Guru Kanan Matapelajaran gred DG44 di SMK Presint 16, Putrajaya. Gred hakiki penyandang bagi Encik Abu bin Ahmad ialah DG48.

Peringkat Dua

10. Bagaimanakah peringkat kedua dijalankan?

Setelah melengkapkan borang penilaian sendiri secara atas talian, calon-calon yang telah disenaraipendek akan dihubungi untuk sesi temuduga oleh panel yang telah dikenalpasti dan dilantik oleh Kementerian. Dalam sesi temuduga, tahap kompetensi fungsian calon akan dinilai berdasarkan penilaian sendiri calon.

11. Bilakah temuduga akan diadakan?

Kumpulan 1: November – Disember 2013*

Kumpulan 2: Februari – Mac 2014*

**Tarikh untuk temuduga individu akan dimaklumkan pada masa akan datang.*

12. Dimanakah temuduga akan dijalankan?

Temuduga akan dijalankan di semua JPN. Walaubagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada perubahan dan calon akan dimaklumkan oleh urusetia kemudian.

Peringkat 3

13. Apakah Behavioural Event Interview?

Behavioural Event Interview adalah satu kaedah temuduga untuk menilai dan mengenalpasti tahap kecekapan calon berdasarkan kompetensi kepimpinan yang diperlukan untuk melaksanakan peranan dan tugas di JPN dan PPD.

14. Siapakah yang akan mengendalikan Behavioural Event Interviews?

Pihak pakar yang dikenalpasti dan dilantik oleh Kementerian.

15. Bilakah Behavioural Event Interview akan diadakan?

Kumpulan 1: November – Disember 2013*

Kumpulan 2: Februari – Mac 2014*

**Tarikh untuk temuduga individu akan dimaklumkan pada masa akan datang.*

16. Dimanakah Behavioural Event Interview diadakan?

Behavioural Event Interview akan dijalankan di semua JPN. Walaubagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada perubahan dan calon akan dimaklumkan oleh urusetia kemudian.

17. Siapakah yang perlu dihubungi sekiranya saya mempunyai pertanyaan berhubung program pengumpulan profil kepimpinan ini?

Sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi:

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan
Malaysia

No. Telefon: 03-88847930 / 03-88721417

Emel: azhar.anas@moe.gov.my